

Teruskan pungutan pingat — PM

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kejayaan negara melepasi sasaran meraih 80 pingat emas pada Sukan SEA XXI semalam diteruskan bagi membolehkan Malaysia mencatat sejarah menjadi juara keseluruhan buat pertama kali.

Perdana Menteri menggesa atlet-atlet negara yang akan bertanding dalam dua hari terakhir temasya tersebut mempertingkatkan prestasi dan kesungguhan mereka bagi mencapai kejayaan yang diimpikan itu.

Menurutnya, berikutan kejayaan cemerlang melepasi sasaran pungutan pingat itu, beliau bersedia untuk memikirkan kemungkinan mengumumkan cuti umum pada hari Selasa ini.

"Saya bersyukur dan amat gembira kerana sasaran kita telah tercapai dan saya harap kita dapat kumpul cukup (pingat emas) untuk jadi juara.

"Kita tak pernah dapat menjadi juara (keseluruhan)," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan dan menyampaikan pingat kepada pemenang dalam acara terjun di Pusat Akvatik Nasional di Bukit Jalil semalam.

Sebelum itu, Dr. Mahathir turut meluangkan masa menyaksikan aksi-aksi atlet gimnastik negara di Stadium Putra Bukit Jalil.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengucapkan tahniah kepada atlet negara kerana berjaya mencapai sasaran memungut 80 pingat emas.

Katanya, kejayaan itu membuktikan bahawa atlet negara mampu mengotakan janji mereka kepada rakyat Malaysia.

"Saya harap mereka dapat menambah emas dalam acara yang akan datang. Tahniah kepada kontinjen negara dan mereka yang bertanggungjawab memastikan kita dapat pencapaian tertinggi," katanya di Stadium Putra semalam.

Kutipan emas negara semalam bermula apabila jaguh jalan kaki negara, G. Saravanan memungut emas ke-74 negara sebelum skuad boling dan skuasy yang beraksi di Pulau Pinang menambah dua lagi pingat emas.

Empat pingat emas dari Port Dickson terus menceriakan kontinjen negara selain badminton lelaki, terjun dan hoki wanita.

Malaysia tidak pernah menjadi juara keseluruhan Sukan SEA sejak ia dimulakan pada 1959.

Pencapaian terbaik negara ialah pada Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur, dengan meraih 67 pingat emas.

Kerajaan mengisytiharkan cuti umum sehari berikutan kejayaan pada 1989 itu.